# TAKLIMAT
# PROSES MENDAPATKAN KEBENARAN IKLAN, PAPAN IKLAN DAN PAPAN TANDA

**Disampaikan oleh:**
**Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi)**
**Kementerian Pembangunan**

**Dewan Indera Pahlawan, Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan**
**Tarikh: 24 Muharram 1438 / 25 Oktober 2016 (Selasa)**

# Tujuan:

Untuk memaklumkan kepada pihak yang berkepentingan mengenai dengan **perubahan proses** bagi mendapatkan kebenaran iklan, papan iklan dan papan tanda.

# Peraturan – Peraturan Kawalan Bangunan :

Iklan/Papan Iklan/Papan Tanda dikawal mengikut Perintah Kawalan Bangunan, 2016 (S 69/2014) dan Peraturan – Peraturan Kawalan Bangunan (Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda, 2016

# Pemansuhan Peraturan - Peraturan

Peraturan – Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Kawalan Iklan), 2008

# Pengenalan:

- Mulai **01hb Januari 2016**:-

  Proses dan kebenaran permohonan *billboard, signboard, banner* dan *advertisement* adalah dibawah kawalan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan;

- Perintah Kawalan Bangunan 2014 – Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan (Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda), 2016

- Hasil mesyuarat ***Steering Committee Ease of Doing Business*** bertarikh 10hb Oktober 2016:
  - Permohonan bagi mendapatkan kebenaran iklan, papan iklan dan papan tanda ***dipusatkan di ABCi***;
  - Tempoh keputusan permohonan (TPOR) yang dijangkakan = ***4 hari waktu bekerja;***
  - Mulai ***01hb November 2016;***
  - Permohonan dihadapkan secara ***manual***; (*sementara menunggu penyelarasan sistem OneBiz bersama EGNC*)

# Tatacara menghadapkan permohonan:

- Sebarang permohonan bagi mendapatkan kebenaran iklan, papan iklan dan papan tanda, *dihadapkan oleh syarikat pengiklanan*;

- Syarikat pengiklanan dimestikan *berdaftar di ABCi*;

## PROSES SEKARANG




## PROSES MULAI 1 NOVEMBER 2016



# Dokumen yang disertakan dengan permohonan:

**1 set permohonan yang lengkap & berwarna**
**(disediakan dalam *hardcopy* & *softcopy*)**

1. Borang permohonan termasuk :
   - Keterangan permohonan
   - Surat lantikan syarikat pengiklanan daripada pemohon (Authorised Letter)

2. Salinan sijil pendaftaran syarikat pemohon (Klien) termasuk ;
   - Surat Pengesahan / perkongsian bagi unit kedai
   - Surat franchise bagi syarikat yang ada berkaitan dengan logo
   - Surat – surat / dokumen – dokumen yang berkaitan

3. Pelan lengkap berwarna seperti berikut:

- Pelan A (Berwarna) – Pelan Tapak Lokasi Pemasangan
- Pelan B (Berwarna) – Tempat meletakan / Pemasangan
- Pelan C (Berwarna) – Butiran Lengkap Lakaran
- Pelan D (Berwarna) – Ukuran / Sukatan
- Pelan E bagi cadangan tulisan jawi untuk dihadapkan (jika belum ada kebenaran dari Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Pelan F bagi logo dan pengertiannya untuk dihadapkan (jika belum ada kebenaran daripada MOHA)
- Kebenaraan tulisan jawi dari DBP (jika ada kebenaraan awal)
- Kebenaraan Logo dari MOHA (jika ada kebenaraan awal)
- 1 Softcopy (CD / Pen Drive) dokumen permohonan pengiklanan yang dihadapkan
- Lain-lain dokumen yang diperlukan

| DBP | MOHA | DOR | AMBD |
|---|---|---|---|
| 1.Inskripsi hendaklah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu kecuali inskripsi dalam Bahasa lain | 1.Logo tidak boleh mengandungi panji-panji Negara Brunei Darussalam kecuali Jabatan-Jabatan Kerajaan atau Badan-Badan Persatuan yang diiktiraf sahaja | 1.Jarak pemasangan – 10 meter dari bahu jalan.<br><br>Hendaklah jauh dari persimpangan lampu isyarat, di kawasan yang ada "U-Turn" dan papan tanda lalulintas. | 1.Kad Kredit – surat kebenaran daripada AMBD |
| 2.Dicetak dalam tulisan Jawi | 2.Logo hendaklah mengandungi tulisan jawi yang terletak di dalam logo berkenaan | 2.Kebenaran tapak pemasangan hanya di kawasan "Government Road Reserve" sahaja | 2.Kesemua Produk-produk yang ditawar – surat kebenaran beserta nombor permit bagi ilan yang dipohonkan. Dan, nombor permit akan diberikan oleh AMBD untuk disertakan bersama iklan. |
| 3.Kedudukannya di atas | 3.Logo tidak boleh mengandungi lukisan yang bernyawa yang lengkap dengan anggotanya. | 3.Kain rentang yang dipasang hendaklah dibuka dengan serta merta setelah tamat tempoh pemasangan | 3.Syarikat kiriman wang – surat kebenaran daripada AMBD |
| 4.Dalam skim warna yang menonjol yang lebih terang daripada yang lainnya. | 4.Logo franchais mengandungi warna kuning/gambar binatang lengkap dibolehkan dengan syarat tidak mengubah lambang asalnya. | 4.Tidak dibenarkan papan tanda lalulintas atau longkang dijadikan "support" bagi pemasangan kain rentang. | 4.Syarkat Menukar Wang – Surat Kebenaran daripada AMBD |
| 5 .Size tulisan Jawi hendaklah melebihi separuh daripada saiz huruf Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu | 5.Logo hendaklah tidak mengandungi lambang-lambang yang mengandungi symbol keugamaan seperti gambar masjid/salib. | 5.Akan diarakan pemohon supaya membuka papan tanda / kain reantang didapati memasangan sebelum kebenaran dikeluarkan | 5.Syarikat-Syarikat yang mengendalikan aktiviti terkawal di bawah securities Markets order 2013 –menghadapkan sebarang iklan dan promosi kepada AMBD bagi tujuan postvetting |

# KEBENARAN BERTULIS DAN PEMBATALAN BERTULIS

Senarai perkara – perkara / aktiviti – aktiviti yang **Tidak Memerlukan Kebenaran Bertulis.**

Tetapi dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pihak Berkuasa (ABCi)

**KEBENARAN BERTULIS**

- Mempamerkan iklan, papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit dikehendaki kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.
- Setiap iklan, tanda arah atau papan tanda yang telah dikeluarkan kebenaran bertulis hendaklah mempamerkan dengan nombor permit yang diberikan.
- Iklan, papan iklan animasi, tanda belon, tanda arah, papan tanda atau tanda langit yang dibenarkan di bawah Peraturan – Peraturan hendaklah diselenggarakan.
- Tidak boleh diubah tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.

## PEMBATALAN BERTULIS

- Pihak Berkuasa boleh menggantung atau membatalkan kebenaran bertulis yang diberikan jika terdapat sesuatu syarat itu telah dilanggar atau pemohon gagal mematuhi mana - mana peraturan yang dinyatakan.

1. Apa – apa notis jualan, sewa atau pajakan jika notis itu dipamerkan di atas tanah atau harta untuk jualan, sewa atau pajakan.
2. Apa – apa tanda peringatan atau tablet atau nama suatu bangunan dan tarikh pembinaan apabila digoreskan ke dalam permukaan batu atau apabila dibuat dari gangsa atau bahan tidak terbakar lain.
3. Apa – apa iklan dalam unit kedai, mall membeli-belah atau arked membeli-belah.
4. Apa – apa tanda berhubung dengan mana-mana bangunan, projek kejuruteraan awam atau struktur yang mengandungi maklumat selain dariapda perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor
5. Apa – apa iklan belon di premis
6. Apa – apa kain rentang di premis berhubung dengan aktiviti-aktiviti sekolah yang dipaparkan oleh sekolah-sekolah
7. Apa – apa tanda arahan rasmi
8. Apa – apa paparan atau iklan hiasan yang ditampalkan pada suatu bangunan berhubung dengan perayaan kebangsaan aatau majlis Negara.

- Tempat menghantar permohonan & pembayaran:

  - Kaunter Unit Iklan, Papan Iklan & Papan Tanda,
    Tingkat 1, ABCi
    Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan (MODTC),
    Lapangan Terbang Lama, Berakas.

    Hari Isnin hingga Khamis
    8:00 pagi – 11:00 pagi
    1:30 petang – 3:00 petang

    Hari Jumaat
    8:00 pagi – 11:00 pagi
    2:30 petang – 3:00 petang

- Borang permohonan boleh diperolehi di:
  - Kaunter ABCi
  - www.mod.gov.bn

# Bayaran

| | |
|---|---|
| **Proses** | $2 bagi setiap permohonan |
| **Iklan** | $5 bagi setiap meter persegi atau sebahagiannya |
| **Papan iklan animasi** | $15 bagi setiap meter persegi atau sebahagiannya |
| **Lanjutan kebenaran** | $5 bagi setiap meter persegi atau sebahagiannya |
| **Papan tanda** | $20 bagi setiap meter persegi atau sebahagiannya |
| **Tanda Langit** | $40 bagi setiap meter persegi atau sebahagiannya |

# Pertanyaan:

emel:

bsba.abci@mod.gov.bn

Telefon: +673-2380429 / +673-2381430

# Terima Kasih